



## PEMAKLUMAN

### PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN/ PERMIT DI BAWAH AKTA RACUN 1952 TAHUN 2022

Permohonan pembaharuan bagi semua lesen di bawah Akta Racun 1952 dan Permit Membeli dan Menggunakan Natrium Hidroksida (NaOH) dalam Sistem My.Pharma-C akan dibuka pada **1 Oktober 2021 sehingga 31 Disember 2021**.

Tuan/ puan dinasihatkan untuk menghantar permohonan **selewat - lewatnya pada 16 Disember 2021** supaya lesen/ permit tahun 2022 dapat dikeluarkan sebelum 1 Januari 2022.

Sila pastikan permohonan yang dihantar adalah lengkap dan dokumen sokongan terkini serta sah dimuatnaik dalam sistem bagi melancarkan proses pembaharuan lesen/ permit.

Berikut adalah perhatian yang perlu diambil semasa membuat permohonan pembaharuan lesen/ permit:

#### 1. Senarai tindakan yang **MESTI DIBUAT** sebelum menghantar permohonan

Bil	Butiran	Tindakan Mesti Dibuat
1.	Kemaskini alamat kediaman terkini	Kemaskini di <b>menu Profil</b> terlebih dahulu sebelum menekan menu Pembaharuan Lesen/ Permit
2.	Kemaskini nombor Lesen Perniagaan	Kemaskini mesti dibuat semasa mengisi borang pembaharuan sebelum permohonan dihantar.
3.	Kemaskini nombor Sijil Amalan Tahunan Farmasi	
4.	Kemaskini nama papan tanda premis	
5.	Kemaskini senarai racun bagi lesen Jenis B	
6.	Kemaskini kuantiti dan kegunaan NaOH	

#### 2. Senarai tindakan yang **TIDAK BOLEH** dibuat semasa Pembaharuan Lesen/ Permit

Bil	Butiran	Tindakan Tidak Boleh Dibuat
1.	Tukar jenis lesen atau kategori lesen	Tidak boleh dibuat sewaktu pembaharuan lesen/ permit.  Sila mohon Permohonan Baru pada Januari 2022.
2.	Tukar alamat premis utama	
3.	Perubahan butiran syarikat seperti No. Pendaftaran Syarikat/ Nama Syarikat/ Jenis Syarikat atau Perniagaan	
4.	Tukar pemohon/ pemegang lesen atau permit	

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi **Seksyen Pelesenan** di talian **03-5123 7333**.

Sekian, terima kasih.